



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGURUSAN ARTIFAK KEBUDAYAAN MELAYU DI MUZIUM
ISLAM NEGERI KELANTAN**

Nurul Saffia Binti Fauzi

(34078)

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014**

**PENGURUSAN ARTIFAK KEBUDAYAAN MELAYU DI MUZIUM ISLAM
NEGERI KELANTAN**

NURUL SAFFIA BINTI FAUZI

34078

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student's Declaration:

I NURUL SAFFIA BINTI FAUZI, 34078, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PENGURUSAN ARTIFAK KEBUDAYAAN MELAYU DI MUZIUM ISLAM NEGERI KELANTAN is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Nurul Saffia Binti Fauzi (34078)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I DR.ANNA DURIN (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled PENGURUSAN ARTIFAK KEBUDAYAAN MELAYU DI MUZIUM ISLAM NEGERI KELANTAN (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: DR.ANNA DURIN
(Name of the supervisor)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____Supervisorsignature:_____

() ()

Current Address:

Kampung Banggol Chicha, 17000 Pasir Mas, Kelantan.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pengurusan Artifak Kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan** telah disediakan oleh **Nurul Saffia Binti Fauzi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif untuk memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Dr. Anna Durin)

Tarikh:

.....

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr. Anna Durin, yang merupakan seorang penyelia tesis ini dan telah banyak membantu serta memberi bimbingan yang amat bernilai sepanjang proses penyiapan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan dan menyumbangkan data-data yang berguna, terutama kepada pihak-pihak Muzium Islam negeri Kelantan serta tidak lupa juga kepada kawan-kawan seperjuangan dalam memberi maklumat dan pandangan terhadap kajian ini.

Proses penyiapan tesis ini juga telah memberikan tekanan tambahan bagi keluarga saya. Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Fauzi bin Husin dan Sakinah Binti Saary, dan adik-beradik saya, dalam memberi sokongan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya.

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai Pengurusan Artifak Kebudayaan Melayu Di Muzium Islam Negeri Kelantan. Objektif kajian adalah mengenalpasti peranan kurator dalam sistem pengurusan artifak kebudayaan Melayu, serta kaedah pengurusan dari segi penyusunan artifak. Ketiga, mengkaji tentang sistem pengurusan dari segi pemeliharaan dan penjagaan artifak di muzium tersebut. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa Muzium Islam mempunyai pengurusan yang baik dalam mengurus sistem pemeliharaan. Selain itu, kurator yang bertugas memang bertanggungjawab dalam pengurusan pameran artifak.

ABSTRACT

This research is about Management of Malay Cultural Artifacts Kelantan Islamic Museum. The objective of the study is to identify the role of the curator in Malay cultural artifacts management system, as well as in terms of restructuring the management of artifacts. The review of the management system in terms of preservation and care of the artifacts in the museum. The method used in this study is qualitative. The results have proved that the Islamic Museum has a good management system for managing maintenance. In addition, the curator in charge is responsible for the management of artifacts exhibit.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/SURAT
BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	
SURAT PENGAKUAN.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	iv
ISI KANDUNGAN.....	v-viii
BAB 1: PENGENALAN	
Pengenalan.....	1-2
Latarbelakang.....	2-5
Penubuhan Muzium Islam Negeri Kelantan.....	5
Objektif Muzium.....	5
Koleksi.....	6
Sejarah Negeri Kelantan.....	6-7
Permasalahan Kajian.....	7
Objektif Kajian.....	8
Soalan Kajian.....	8-9

Lokasi Kajian.....	9-10
Kerangka Kajian.....	10-11
Sumber kewangan.....	11
Keberkesanan pengurusan.....	11
Fungsi pengurusan.....	12-13
Perancangan dalam pengurusan.....	14
Pengurusan sumber manusia.....	14-15
Matlamat dalam pengurusan.....	15
Kepentingan Kajian.....	16-17
Skop Kajian.....	17
Hipotesis.....	17-18
Rumusan.....	18

BAB 2 : SOROTAN KESUSATERAAN

Pengenalan.....	19
Definisi Muzium.....	20-25
Peranan kurator dalam pengurusan artifak.....	26-28
Pengurusan artifak.....	29-30
Pemeliharaan dan penjagaan artifak.....	30-31
Penyusunan artifak dalam muzium.....	32
Kesimpulan.....	33

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan.....	34
Pemerhatian.....	34-35
Temubual.....	35-36
Dokumentasi atau catatan.....	36-37
Kesimpulan.....	37

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

Pengenalan.....	38-39
Pengenalan artifak.....	39
Peranan kurator.....	40-41
Fungsi-fungsi pengurusan artifak.....	41-43
Kaedah penyimpan data.....	43-47
Perancangan pengurusan artifak.....	47-49
Kaedah perolehan artifak.....	49-58
Pengurusan sumber kewangan.....	58-60
Pengurusan sumber manusia.....	61-62
Penyusunan artifak.....	62-63
Persekitaran ruang.....	64-65
Saiz artifak.....	65-66

Jenis-jenis artifak kebudayaan Melayu.....	66-68
Pemeliharaan dan penjagaan arifak.....	69
Pencahayaan.....	70-71
Kelembapan.....	71-72
Suhu.....	72-73
Pembersihan.....	74-75
Keselamatan.....	75-81
Kesimpulan.....	82-83

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pengenalan.....	84-89
Cadangan kajian.....	89-93
RUJUKAN.....	94-96
LAMPIRAN.....	97-103

BAB SATU

PENGURUSAN ARTIFAK KEBUDAYAAN MELAYU DI MUZIUM ISLAM NEGERI KELANTAN

Pengenalan

Kajian ini menfokuskan tentang pengurusan artifak kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan antaranya dari segi peranan kurator dalam sistem pengurusan artifak kebudayaan Melayu di muzium tersebut. Selain itu, kajian ini juga menerangkan tentang kaedah-kaedah penyusunan artifak tersebut dalam muzium. Bukan itu sahaja, kajian ini juga membincangkan tentang sistem pengurusan dari segi pemeliharaan dan penjagaan artifak di muzium tersebut.

Artifak kebudayaan Melayu ialah sebuah artifak peninggalan sejarah dan zaman purba yang mempunyai nilai-nilai sejarah tersendiri. Malah, artifak juga menggambarkan suatu kemajuan peradaban sesuatu bangsa dalam periode sejarah yang tertentu. Beberapa artifak kebudayaan Melayu yang terdapat di Muzium Islam, antaranya ialah kitab-kitab al-Quran, jubah-jubah pemerintahan Menteri Besar Kelantan, kelindang kubur (kayu), tempat membaca khutbah, replika masjid-masjid Melayu dan sebagainya. Secara tidak langsung, artifak yang dipamerkan dalam muzium tersebut, dapat memberi informasi berkenaan dengan masa lalu yang boleh dijadikan pedoman atau dijadikan ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek, termasuk aspek kebudayaan Melayu.

Kebanyakan muzium mempunyai beberapa kaedah atau sistem-sistem pengurusan yang tersendiri. Oleh itu, kajian ini memfokuskan tentang pengurusan yang terdapat dalam Muzium Islam ialah dari segi peranan kurator dalam sistem pengurusan artifak kebudayaan Melayu di muzium tersebut. Kajian ini juga menerangkan tentang kaedah-kaedah penyusunan artifak tersebut dalam muzium. Disamping itu, kajian ini juga berkenaan tentang sistem pengurusan dari segi pemeliharaan dan penjagaan artifak di muzium tersebut.

Latarbelakang kajian.

Kajian ini memfokuskan kepada penubuhan Muzium Islam di Kelantan. Muzium Islam Kelantan merupakan sebuah bangunan yang terletak di Jalan Sultan, Kota Bharu. Bangunan tersebut adalah bekas pejabat lama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Bangunan ini juga merupakan salah sebuah bangunan yang mempunyai ciri-ciri rekabentuk yang unik di bandar Kota Bharu.

Kerja-kerja ubahsuai bangunan ini telah dimulakan sejak awal tahun 1991 dan telah siap sepenuhnya menjelang perasmian bangunan tersebut pada 11 November 1991 dengan menelan belanja RM218,000.00. Bangunan yang diubahsuai ini memuatkan Muzium Islam, Perpustakaan Islam dan asrama pelajar-pelajar Maahad Tahfiz al-Quran. Bangunan ini asalnya adalah rumah kediaman bekas Menteri Besar Kelantan, iaitu Encik Hassan bin Mohd Salleh (1900-1920). Ia dibina pada tahun

1902 dan berasaskan gaya dan ciri-ciri bangunan rumah Melayu Kelantan - Pattani model penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Bangunan ini diperbuat daripada kayu cengal terpilih dan atapnya pula menggunakan bata buatan Singgora yang terkenal lebar, tebal dan kukuh. Berbagai-bagai jenis ukiran menghiasi setiap pintu, tingkap dan ruang. Pada setengah tempat pula ukiran-ukiran ini memagar ayat-ayat suci al-Quran yang digubah dalam satu seni reka dan khat yang cantik dan menarik. Daun tingkapnya pula dibuat sedemikian rupa (sisik angin) untuk mendapatkan udara walaupun tingkapnya tertutup.

Terdapat sebuah anjung di bahagian hadapan bangunan ini yang menyerupai beberapa bangunan lain yang berdekatan seperti Istana Balai Besar dan Istana Jahar. Fungsi anjung ini antara lain ialah sebagai tempat untuk menyaksikan pelbagai upacara atau pertunjukan yang sering diadakan di padang (Padang Merdeka) yang terletak betul-betul di hadapan rumah berkenaan.

Pada tahun 1905 bangunan ini dipilih menjadi tempat sambutan lawatan Maharaja Siam iaitu Maharaja Chulalongkorn (Rama V ke Kota Bharu). Pada 3 Julai 1917, rumah ini berserta dengan kawasan telah dibeli oleh Majllis Agama Islam Kelantan (MAIK) dengan harga RM15,000.00. Pada 9 Ogos 1917 bangunan ini mula dijadikan pejabat Mafflis Agama Islam Kelantan setelah berpindah dari pejabat sementara di flingcat atas bangunan lama Pejabat Tanah Kota Bharu yang

terletak di hadapan Istana Balai Besar (sekarang sudah tidak ada lagi). Tingkat bawah bangunan ini pernah menjadi tempat belajar murid-murid madrasah Muhammadiyah Melayu yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1917. Penggunaan sepenuhnya kedua-dua tingkat cat bangunan ini menjadi pejabat ialah selepas merdeka apabila sekolah berkenaan berpindah ke bangunan baru di Jalan Merbau pada awal tahun 1956.

Bangunan ini menjadi Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan selama 72 tahun 6 bulan, iaitu mulai 9 Ogos 1917, hingga 15 Februari 1990 apabila Mafflis Agama Islam Kelantan berpindah ke bangunan baru di Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang. Selama tiga dekad (1920-1940) rumah ini menyaksikan pelbagai peristiwa bersejarah seperti mesyuarat-mesyuarat, diskusi, forum, tempat menterjemah, menerbit kitab-kitab dan di sinilah juga pejabat mufti pada masa itu.

Sebelum muzium ini diubahsuai pada tahun 1991, bangunan ini pernah diubahsuai sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1917 dan 1962. Pengubahsuaian ini terpaksa dilakukan bagi menyesuaikan sebuah rumah kediaman kepada ruang-ruang pejabat. Tidak dapat dinafikan bahawa telah berlaku sedikit pindaan dan perubahan daripada rekabentuk asal semasa pengubahsuaian. Beberapa ukiran dan seni khat telah dibuang atau bertukar tempat, tetapi tidak sampai mengubah ciri-ciri utama bangunan yang asal. Kerja-kerja pengubahsuaian pada tahun 1991 ini adalah merupakan ubahsuai yang paling besar pada bangunan ini. Walaupun ia masih mengekalkan ciri-ciri luar bangunan ini tetapi boleh dikatakan hampir keseluruhan ciri-ciri -dalaman seperti struktur bilik, tangga dan pintu telah berubah atau dibuang.

Galeri Muzium Islam ini mempamerkan koleksi dalam bentuk artifak, gambar dan keterangan mengenai sejarah kedatangan Islam, perkembangan Islam, tokoh-tokoh ulama, jabatan-jabatan keagamaan dan pelbagai koleksi dari negara-negara Islam. (http://www.muzium.kelantan.gov.my/muzium_islam.php).

Penubuhan Muzium Islam Negeri Kelantan

Pada masa kini, tingkat bawah bangunan ini diberi pinjam oleh Majlis Agama Islam negeri Kelantan untuk digunakan sebagai balai pameran Muzium Islam di bawah pentadbiran Perbadanan Muzium negeri Kelantan. Muzium Islam ini telah dirasmikan oleh KDYMM Sultan Ismail Petra Ibn Almarhum Sultan Yahya Petra pada 11 November 1991. Muzium tersebut berfungsi sebagai institusi mengumpul, menyelidik, memelihara dan mempamerkan warisan sejarah sosial budaya masyarakat Islam.

Objektif Muzium

Muzium Islam ditubuhkan, sebagai media dakwah dan pendidikan Islam dengan hasrat dapat menimbulkan rasa cinta dan bangga dengan agama Islam yang dianuti oleh masyarakat di negeri Kelantan, terutama kepada golongan yang akan datang.

Koleksi

Galeri atau Balai Pameran di Muzium Islam ini mempamerkan koleksi dalam bentuk artifak, model, replika, peta mengenai sejarah, gambar-gambar dan keterangan mengenai sejarah kedatangan Agama Islam ke nusantara, tokoh-tokoh dan perkembangan agama Islam, mufti kerajaan Kelantan. Jabatan-jabatan keagamaan, aktiviti al-Sultan dan pelbagai koleksi dari negara-negara Islam lain yang berunsurkan kebudayaan Melayu khusus di negeri Kelantan. Sehingga kini, sebanyak 350 koleksi yang telah dipamerkan di muzium tersebut.

Sejarah Negeri Kelantan

Sejarah Negeri Kelantan mempunyai sistem pemerintahan Bersultan. Awalnya, Kelantan telah diperintah oleh Raja Kumar dan beliau memakai gelaran Sultan Iskandar Shah kerana memeluk Islam. Kini, sistem pemerintahan bersultan ini masih diteruskan sehingga sekarang iaitu diperintah oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Tengku Muhamad Faris Petra Ibni Sultan Ismail Petra. Putera sulung daripada empat beradik ini, telah dilantik oleh ayahanda baginda sebagai Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan pada 6 Oktober 1985. Terdapat sejarah menunjukkan Negeri Kelantan yang mewarisi Kebudayaan Melayu yang unik seperti mencerminkan sifat, watak dan keperibadian orang Melayu. Kita boleh lihat pada masa sekarang, Kehidupan seluruh rakyat Kelantan tergambar melalui perkembangan Bandar Kota Bharu yang menjadi pusat pentadbiran dan kebudayaan

seperti seni persembahan, seni bina, seni kraf tangan dan lain-lain sehingga Kota Bharu diisytiharkan sebagai “ Kota Bharu”.

Kebanyakan tempat di Negeri Kelantan iaitu setiap daerah mempunyai pelbagai seni budaya seperti permainan, makanan, dan lain-lain. Negeri Kelantan yang berbilang kaum iaitu Cina, Melayu dan India turut bekerjasama untuk membangunkan negeri Kelantan. Terdapat kekayaan dalam seni budaya serta tradisi lamanya masih kekal dan dapat dilihat sehingga kini pada istana – istana lama yang dikagumi rakyat di Negeri Kelantan. Istana lama negeri Kelantan kebanyakannya telah dijadikan sebagai Muzium- muzium sejarah dan kesenian di negeri kelahiran Cik Siti Wan Kembang ini. Antaranya seperti Muzium Adat Istiadat DiRaja Kelantan (Istana Jahar), Muzium Islam, Muzium kraftangan (Balai Getam Guri) terletak dalam kompleks Kampung KrafTangan adalah kepunyaan sultan Yahya Petra.

Permasalahan Kajian

Muzium Islam di negeri Kelantan memiliki beberapa artifak kebudayaan Melayu. Artifak-artifak itu dipamerkan dengan tujuan dapat membantu para pengunjung yang ingin mempelajari tentang kebudayaan Melayu di Kelantan, untuk membantu para pengkaji mengetahui ilmu kebudayaan melalui artifak-artifak tersebut, maka Muzium Islam mempunyai sistem pengurusan yang sangat membantu para pengunjung dan para penyelidik berkenaan. Isu kajian ini adalah mengenai pengurusan artifak kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini amat penting dalam penyelidikan kerana ia merupakan tunggak utama dalam menentukan matlamat kajian yang dikaji. Antara beberapa objektif yang wujud dalam kajian ini ialah:

- 1) Mengenalpasti peranan kurator dalam sistem pengurusan artifak kebudayaan Melayu di muzium.

- 2) Mengenalpasti kaedah pengurusan dari segi penyusunan artifak kebudayaan Melayu dalam Muzium Islam di negeri Kelantan.

- 3) Mengkaji tentang sistem pengurusan dari segi pemeliharaan dan penjagaan artifak di muzium tersebut.

Soalan Kajian

Soalan kajian merupakan salah satu topik yang penting dalam sesebuah kajian yang dikaji. Beberapa soalan kajian yang terdapat dalam kajian ini, antaranya ialah:

- 1) Apakah peranan kurator dalam sistem pengurusan artifak kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan?
- 2) Apakah jenis-jenis artifak kebudayaan Melayu yang terdapat di Muzium Islam Negeri Kelantan?
- 3) Bagaimanakah sistem pengurusan, yang dilakukan dari segi penyusunan artifak kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan tersebut?
- 4) Bagaimanakah kaedah pengurusan artifak dari segi pemeliharaan dan penjagaan artifak kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan?

Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, lokasi kajian amat penting dalam melakukan sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana, lokasi merupakan tempat dimana kajian yang ingin dikaji untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu pengurusan artifak di Muzium Islam Negeri Kelantan. Lokasi utama dalam kajian ini ialah Muzium Islam negeri Kelantan. Muzium ini terletak di Jalan Sultan, 15000 Kota Bharu, Kelantan iaitu terletak dalam kawasan zon budaya Kota Bharu, Kelantan. Malah, muzium ini juga merupakan salah satu muzium yang diuruskan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Lokasi ini dipilih kerana bersesuaian dengan kajian yang dikaji dan untuk mendapatkan data primer bagi memperoleh lebih banyak informasi tentang kajian dikaji. Data primer yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan peranan kurator dalam sistem pengurusan artifak di muzium tersebut, dan kaedah-kaedah penyusunan artifak dalam muzium serta pengurusan dari segi pemeliharaan dan penjagaan artifak di Muzium Islam Negeri Kelantan.

Bukan itu sahaja, lokasi ini juga dipilih kerana untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dikaji daripada pihak pengurusan artifak Muzium Islam Negeri Kelantan, kurator-kurator di muzium tersebut dan pengunjung-pengunjung yang datang ke muzium tersebut. Secara tidak langsung, pihak-pihak tersebut dapat membantu dan meringankan beban penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut serta memperkemaskan kajian yang dikaji.

Kerangka Kajian

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah konseptual teoritika yang diambil daripada pendapat-pendapat pengkaji masa lampau. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan pengurusan sebab kajian ini ialah tentang pengurusan artifak kebudayaan Melayu di Muzium Islam Negeri Kelantan. Oleh hal yang demikian, konsep yang dipilih adalah sesuai digunakan sebagai garis panduan untuk membantu dalam penyelesaian permasalahan kajian dan seterusnya untuk membantu

mencapai objekti-objektif kajian ini. Beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian ini akan dibincangkan di bawah ini seperti perancangan, pengurusan, fungsi sesuatu organisasi atau institusi yang berkaitan.

Sumber kewangan.

Menurut Robins & Mukerji (1990 : 6) menyatakan bahawa sumber kewangan amat penting dalam sesebuah pengurusan. Seseorang pengurus memainkan peranan penting dalam pengurusan yang melibatkan sumber kewangan, manusia dan peralatan.

Keberkesanan pengurusan.

Robins & Mukerji (1990 : 7) merumuskan keberkesanan (*effectiveness*) adalah sebahagian penting dari segi bidang pengurusan. Hal ini merujuk apabila sesuatu kemasukan atau pengeluaran sesuatu barangan berjaya dilakukan dengan cekap, ia telah meningkatkan kecekapan seseorang pengurus itu melaksanakan tugas sebaiknya dengan berkesan.

Fungsi pengurusan.

Robins (1990 : 7), menyatakan bahawa fungsi sesebuah pengurusan ialah proses memastikan aktiviti yang diselesaikan dengan cekap melalui orang lain. Fungsi-fungsi utama dalam sesebuah pengurusan, antaranya ialah perancangan, menyusun, memimpin dan mengawal. Dari segi perancangan, dalam sesebuah pengurusan untuk menentukan matlamat organisasi dan membangunkan rancangan hierarki yang menyeluruh untuk menyepadukan dan menyelaras aktiviti-aktiviti. Pengurus juga bertanggungjawab untuk membentuk struktur organisasi.

Menurut kata Hersey (1998 : 6), menyatakan bahawa fungsi pengurusan iaitu perancangan, menyusun, motivasi dan mengawal. Fungsi-fungsi ini terdiri daripada proses pengurusan dari langkah demi langkah cara untuk melakukan sesuatu yang berkaitan tanpa mengira jenis organisasi atau tahap pengurusan yang berkenaan.

Selain itu, menurut kata Sabri Hj. Hussin (2004 : 3 dan 5), fungsi-fungsi pengurusan iaitu proses merancang, mengorganisasi dan memimpin, pengstafan dan mengawas. Proses merancang dan membuat keputusan adalah fungsi pengurusan yang pertama dan ia amat penting. Merancang ialah fungsi pengurusan yang melibatkan penentuan matlamat serta program tentang cara-cara alternatif untuk mencapai matlamat tersebut. Seterusnya, mengorganisasi ialah fungsi pengurusan yang melibatkan penyusunan dan mengadakan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai cita-cita organisasi. Ia juga berfungsi mewujudkan hubungan secara